



TZE Tzin (tengah) bergambar dengan felo dan ahli MCVS pada majlis perasmian Kongres VAM ke-30 di Petaling Jaya semalam.

Kongres VAM ke-30 kumpul lebih 100 pengamal veterinar dalam dan luar negara

Medan perkongsian ilmu

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

PEATALING JAYA — Pengajuran Kongres Persatuan Veterinar Malaysia (VAM) ke-30 pada tahun ini menjadi platform penting dalam usaha menyebarkan maklumat secara holistik mengenai kelangsungan hidup veterinar di negara ini.

Presidennya, Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, kongres selama dua hari yang berlangsung bermula semalam hingga hari ini memfokuskan kepada pelbagai perkongsian segenap dimensi mengenai dunia veterinar serta sumbangannya kepada Malaysia.

Katanya, menerusnya acara tersebut, lebih 100 pengamal dan kakitangan veterinar dari dalam dan luar negara dikumpulkan di bawah satu bumbung



TZE TZIN



QUAZA NIZAMUDDIN

bagi menggembangkan pelbagai cabang idea dan pendapat.

“Kongres seperti ini dilihat menjadi pendukung utama dalam menggerakkan pelbagai idea dan perkongsian maklumat daripada segenap dimensi pengamal veterinar.

“Melaluinya, pelbagai kertas cadangan bakal dibentangkan dan diusulkan mengikut skop perbincangan yang ditetapkan VAM sehingga terhasilnya keputusan bersama,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar sempena Kongres VAM ke-30 di Hotel Hilton di sini semalam.

Terdahulu, kongres tersebut disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Turut hadir, Pengurus Kongres VAM ke-30, Datuk Dr. Norlizan Mohd. Noor.

Tambah Quaza Nizamuddin, program yang diadakan juga mempunyai visi tersendiri agar kerjaya veterinar mampu menyumbang secara terus kepada kesejahteraan masyarakat.

Dalam pada itu, Tze Tzin dalam ucapannya perasmianya merakamkan peng-

hargaan dan tahniah kepada pihak VAM atas pelbagai kejayaan yang dilakarkan selama 30 tahun penubuhannya.

“Tahniah kepada pihak VAM atas kejayaan yang dilakar terutama dalam usaha membantu pihak kementerian menyalurkan input kepada pembangunan polisi kerajaan secara berterusan.

“Kita juga sedia maklum bahawa misi persatuan ini (VAM) adalah untuk mendapatkan tahap profesionalisme yang tinggi sekali gus dapat menyumbang kepada peningkatan kesihatan haiwan, kebajikan, pengeluaran dan bekalan haiwan serta kesihatan awam,” ujarnya.

Pada majlis sama, turut disampaikan sijil pengiktirafan kepada 14 penerima merangkumi felo dan ahli bagi Kolej Pakar Veterinar Malaysia (MCVS) yang baru sahaja dilancarkan pada tahun ini oleh VAM.

MCVS hab lahirkan pengamal veterinar berkemahiran

PEATALING JAYA — Pelancaran secara rasmi Kolej Pakar Veterinar Malaysia (MCVS) oleh Persatuan Veterinar Malaysia (VAM) semalam disifatkan sebagai satu lakaran sejarah bagi profesion veterinar di negara ini.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr. Mohd. Hair Bejo (gambar) berkata, pelancaran kolej tersebut

membuktikan bahawa profesion dan kerjaya dalam bidang veterinar semakin mendapat tempat dan keperluannya di Malaysia.

“Alhamdulillah dengan tertubuhnya dan secara rasminya disempurnakan hari ini (semalam), MCVS bakal menjadi medan dan hab bagi kesemua pengamal veterinar dalam



mendapatkan kepakaran tersendiri.

“Secara umumnya, MCVS menawarkan 32 bidang kepakaran khusus di bawah skop veterinar termasuklah pemakanan haiwan, kebajikan haiwan, pergigian, patologi, fisiologi, dermatologi dan banyak lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang akbar selepas majlis perasmian Kongres VAM ke-30 di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tin dan Pengurus Kongres VAM ke-30, Datuk Dr. Norlizan Mohd. Noor.

Menurut Mohd. Hair, MCVS kini mempunyai 22 ahli bagi pengambilan pertamanya yang merangkumi lima orang felo yang mempunyai kepakaran

dalam bidang masing-masing, manakala selebihnya adalah ahli kolej.

Katanya, MCVS yang berpangkalan di UPM sentiasa membuka peluang kepada semua kakitangan veterinar termasuklah pendidik, pengamal dan sesiapa sahaja yang berminat dalam melanjutkan pendidikan mengikut kepakaran yang diminati dalam bidang veterinar.